Nama : elas :

CUBA INI

1 Padankan perkataan dengan maksudnya.

Simpanan	Sejumlah wang yang diterima setelah seseorang menyimpan wang di bank dalam tempoh tertentu.
Pelaburan	Kemudahan menangguhkan pembayaran barangan yang dibeli atau sejumlah wang yang dipinjamkan oleh institusi kewangan.
Faedah mudah	Wang yang disimpan atau dimasukkan dan digunakan apabila perlu.
Faedah kompaun	Wang yang digunakan untuk perniagaan tertentu yang memberikan keuntungan.
Kredit	Pinjaman yang perlu dibayar oleh seseorang.
Hutang	Faedah yang diterima daripada wang simpanan dan faedah yang terkumpul setiap tahun.

109

CUBA INI

Selesaikan masalah yang diberikan.

a) Nota di sebelah menunjukkan perancangan kewangan ibu Winnie. Ibunya bercadang memberikan sebahagian wang persaraannya sama banyak kepada 5 orang anaknya.

Wang persaraan	RM145 358.70
Jumlah wang untuk anak-anak	RM12 000
Belanja melancong	RM5 750
Wang pelaburan	RM?

i Berapakah jumlah wang yang akan diterima oleh setiap anaknya?

ii Hitung wang pelaburan ibu Winnie.

b) Kakak Jason menyimpan RM250 setiap bulan. Selepas 36 bulan, dia mengeluarkan RM7 850 untuk membayar wang pendahuluan sebuah kereta. Kira baki wang simpanan kakak Jason jika tidak termasuk faedah simpanan yang diterimanya.

c) Sebuah syarikat mengagihkan keuntungan tahunan berjumlah RM102 000 sama banyak kepada 32 orang pekerja. Setiap pekerja syarikat itu juga diberikan RM1 200 bersempena dengan ulang tahun syarikat yang ke-10. Kira jumlah wang yang diterima oleh setiap pekerja.

d) Pihak sekolah bercadang menggunakan wang sumbangan guru dan PIBG berjumlah RM23 250 untuk membeli 7 buah gazebo sebagai kemudahan tempat menunggu. Kos bagi sebuah gazebo ialah RM3 800.

RM3 800

i Berapakah jumlah kos bagi 7 buah gazebo?

ii Kira nilai wang yang diperlukan lagi.

e) Ayah Izati membeli sebuah motosikal secara kredit. Harga belian tunai dan harga belian kredit motosikal itu adalah seperti yang ditunjukkan.

Tunai RM21 500

Kredit
72 bulan x RM438

i Berapakah harga belian kredit motosikal itu?

ii Kira perbezaan harga antara belian tunai dengan belian kredit.

114

LIVEWORKSHEETS